



Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025: Panggilan Kertas Kerja

Tema: "Manuskrip Islam: Jambatan Antara Masa Lalu dan Masa Depan"

Tarikh:
16-19 Jun 2025

Tempat:
Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Dianjurkan oleh:

Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB),
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA),
Universiti Brunei Darussalam (UBD),
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB)

Manuskrip Islam memainkan peranan penting dalam menyimpan maklumat-maklumat yang sangat berharga berkaitan dengan warisan intelektual, spiritual, dan budaya umat Islam dari sejak kedatangan agama Islam sehingga ke hari ini. Melalui teks manuskrip yang kaya dengan isi itu kita boleh dapati di dalamnya hukum-hakam, panduan, nasihat, pendidikan, sejarah, budaya, kesusasteraan, politik, hubungan antarabangsa, perubatan, sains, teknologi dan banyak lagi maklumat dan ilmu yang dapat menghubungkan sejarah dan peradaban masa lalu, kini, dan masa depan umat Islam.

Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam, bertemakan "Manuskrip Islam: Jambatan Antara Masa Lalu dan Masa Depan," bertujuan untuk mengetengahkan kepentingan berterusan manuskrip Islam sebagai penghubung kebijaksanaan sejarah dengan konteks semasa dan masa hadapan. Teks-teks yang sangat berharga ini, merangkumi pelbagai bidang seperti undang-undang, sains, perubatan, kesusasteraan, dan kerohanian, merupakan pencapaian intelektual dan budaya tamadun Islam yang silam.

Persidangan ini bertujuan untuk mengukuhkan peranan manuskrip Islam dalam memupuk perkembangan intelektual, kesinambungan budaya, dan kemajuan lestari untuk generasi akan datang dengan menghubungkan pandangan sejarah dengan kemajuan moden.

OBJEKTIF:

1. Memperkenalkan dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan manuskrip Islam sebagai jambatan yang menghubungkan warisan intelektual dan budaya dari masa lalu dengan masa hadapan umat Islam.
2. Menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam tentang manuskrip Islam sebagai sumber yang relevan untuk mencorak kehidupan individu dan masyarakat pada masa ini dan di masa hadapan.
3. Menerangkan konsep, nilai dan ajaran yang terdapat dalam manuskrip Islam agar dapat diterapkan dalam menangani isu-isu kontemporari yang dihadapi oleh umat Islam pada masa ini dan di masa hadapan.
4. Memupuk minat generasi baru terhadap penyelidikan manuskrip Islam dengan menekankan kerelevanannya kajian dan isi kandungannya dalam konteks semasa.
5. Memperkenalkan inovasi dalam pendekatan pendidikan berdasarkan manuskrip Islam bagi membentuk generasi yang berpengetahuan, beretika dan berdaya tahan.

SUB-TOPIK:**1. Warisan Ilmu Manuskrip:**

Membahas peranan manuskrip Islam dalam mewarisi nilai-nilai intelektual, spiritual dan budaya dari masa lalu yang relevan dengan kehidupan masa kini dan masa depan umat Islam.

2. Kajian Salasilah dan Garis Keturunan:

Meneliti hubungan antara manuskrip-manuskrip Islam dari masa lalu dengan kajian salasilah dan garis keturunan cendekiawan, ulama dan pemikir Islam untuk memahami kesinambungan pemikiran dan tradisi ilmu Islam.

3. Penerapan Ajaran dalam Konteks Kontemporari:

Membincangkan kaedah-kaedah, ajaran-ajaran dan ilmu yang terdapat dalam manuskrip Islam untuk diaplikasikan dalam menghadapi cabaran dan isu-isu kontemporari yang dihadapi oleh umat Islam.

4. Teknologi dan Akses Terhadap Manuskrip:

Membincangkan peranan teknologi dalam memperluaskan akses terhadap manuskrip Islam serta mempertahankan integriti dan keaslian manuskrip serta usaha-usaha pemeliharaan manuskrip agar dapat diwarisi oleh generasi masa hadapan.

5. Kreativiti dan Inovasi Berdasarkan Penyelidikan Manuskrip:

Menerokai aspek kreativiti dan inovasi dalam seni, sastera, seni bina, perubatan dan bidang-bidang keilmuan Islam lain dengan mengambil inspirasi daripada manuskrip Islam untuk membentuk masa hadapan yang lebih dinamik, berkembang maju dan produktif.

BAHASA PERSIDANGAN:

Persidangan akan dikendalikan dalam tiga (3) Bahasa iaitu **Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab**.

YURAN PENDAFTARAN:

BIL.	PERKARA	JUMLAH
PEMBENTANG PERSIDANGAN		
1	Ahli Akademik	BND120.00
2	Pegawai & Kakitangan Kerajaan & Swasta	BND120.00
3	Individu Persendirian	BND120.00
4	Mahasiswa/wi	BND70.00
PESERTA PERSIDANGAN		
1	Ahli Akademik	BND60.00
2	Pegawai & Kakitangan Kerajaan & Swasta	BND60.00
3	Orang Awam & Individu Persendirian	BND60.00
4	Mahasiswa/wi & Pelajar-Pelajar	BND40.00
PESERTA BENGKEL		
1	Ahli Akademik	BND50.00
2	Pegawai & Kakitangan Kerajaan & Swasta	BND50.00
3	Orang Awam & Individu Persendirian	BND50.00
4	Mahasiswa/wi & Pelajar-Pelajar	BND30.00

GARIS PANDUAN ABSTRAK KERTAS KERJA:

- A. Tajuk yang sesuai berdasarkan tema-tema yang telah ditetapkan sama ada dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab.
- B. Abstrak hendaklah ditulis menggunakan fail Microsoft Word.
- C. Tajuk, nama penulis dan penulis bersama. Nama institusi serta alamat. Serta *email address* yang digunakan untuk berhubung (*corresponding author*).
- D. Abstrak mengandungi maklumat meliputi tujuan kajian, reka bentuk kajian, sampel kajian, alat kajian, analisis data, keputusan kajian, perbincangan dan cadangan umum hasil daripada keputusan yang diperolehi. (**Elemen Abstrak boleh disesuaikan dengan keperluan Penulisan sekiranya kertas kerja hanya berbentuk konseptual sahaja**)

- E. Penulis perlu menyediakan abstrak dalam **Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab.**
- F. Panjang abstrak adalah antara 250 hingga 300 patah perkataan sahaja.
- G. Penulis juga perlu menyediakan 4-5 kata kunci.
- H. Abstrak boleh dihantar di e-mel: icim.brunei@bkishhb.gov.bn atau melalui Google Form di pautan: <https://forms.gle/unH14bXNQPocafZq6> selewat-lewatnya pada 28 Februari 2025.

TARIKH-TARIKH PENTING:

28 February 2025	Tarikh akhir penghantaran abstrak
15 March 2025	Pemberitahuan penerimaan / penolakan
15 April 2025	Penghantaran kertas kerja penuh
30 April 2025	Pemberitahuan penerimaan kertas kerja penuh

TIKET PENERBANGAN DAN PENGINAPAN:

Pembentang kertas kerja dan peserta antarabangsa adalah bertanggungjawab ke atas pengurusan perjalanan serta perbelanjaan penginapan mereka sendiri.

HUBUNGI KAMI:

Urus Setia
Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam (ICIM) 2025
Brunei Darussalam

Email: icim.brunei@bkishhb.gov.bn
Laman sesawang: <https://tinyurl.com/mr45w3f4>